

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	17/3/2011

Dalam Negeri



DR. Mahathir Mohamad bersama Mustapha Kamal (kiri) dan Pengerusi Shell Malaysia, Anuar Taib (kanan) melancarkan Bangunan Lestari Kumpulan Emkay di Cyberjaya, semalam.

Bukan opsyen pada era saya - Dr. Mahathir 'Nuklear berisiko'

Oleh **THOMAS CHONG**
pengarang@utusan.com.my

CYBERJAYA 16 Mac - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan pembinaan loji nuklear untuk menjana tenaga adalah berisiko kerana manusia masih gagal memahami kuasa tersebut.

Beliau berkata, sebab itu, penggunaan tenaga nuklear tidak menjadi satu opsyen sewaktu era pentadbirannya kerana kerajaan mempunyai pengalaman yang tidak baik dengan kesan radiasi.

"Saya tidak tahu sama ada kamu sedar atau tidak, tetapi kita pernah mempunyai pengalaman tidak baik kerana kita tidak boleh menghapuskannya (radiasi)," katanya selepas merasmikan Bangunan Lestari Kumpulan Emkay, di sini hari ini.

Sebelum ini, Dr. Mahathir pernah

menulis dalam blog beliau mengenai pengalaman kerajaan berdepan dengan masalah pengurusan tahi bijih atau amang yang menjadi bahan radioaktif selepas diproses untuk digunakan dalam pembuatan televisyen berwarna.

Dalam artikel yang ditulis pada 2009, beliau memberitahu, tapak untuk menanam produk sampingan tersebut masih mempunyai kesan radioaktif walaupun selepas bertan-tan simen dicurahkan.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir memberitahu, kerajaan yang dipimpin beliau memilih minyak, gas, arang batu dan air sebagai sumber untuk menjana tenaga.

"Saya dengar lebih banyak negara akan mempunyai loji nuklear, jadi lebih banyak risiko yang akan timbul," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr. Mahathir berkata, semua pihak per-

lu memainkan peranan untuk memelihara alam sekitar bagi mewujudkan kehidupan lebih sihat dan selesa.

"Dengan menyedari kepentingan alam sekitar, ia dapat memastikan masa depan yang lebih cerah untuk generasi akan datang," katanya.

Dalam pada itu, Pengerusi Eksekutif Kumpulan Emkay, Tan Sri Mustapha Kamal Abu Bakar berkata, bangunan Lestari Kumpulan Emkay di sini merupakan bangunan pertama di negara ini yang mendapat pengiktirafan Peneraju Dalam Reka Bentuk Tenaga dan Alam Sekitar (LEED) dari Amerika Syarikat.

"Pengiktirafan ini diberikan selepas kita dinilai dan disahkan memenuhi kriteria hijau dalam pelbagai aspek termasuk dari segi penggunaan bahan dan sumber," katanya.